

## **RASUAH**

**Chedet.cc**

**9 March 2017**

**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Rasuah sudah jadi sebahagian dari budaya warga Malaysia. Ia bermula dengan kesedaran di kalangan ahli UMNO bahawa melalui sogokan duit seseorang boleh mendapat tempat dalam parti sehingga menjadi menteri dalam Kerajaan. Apabila mendapat tempat maka peluang menjual apa juga kuasa boleh menjadi seseorang itu kaya.
2. Maka Kerajaan pun menubuh badan-badan pencegah rasuah untuk membendung amalan yang buruk ini. Masyarakat sedar bahawa rasuah adalah jenayah yang buruk dan agama Islam melarangnya. Sedikit sebanyak badan-badan pencegah rasuah berjaya membendung amalan jenayah ini.
3. Sesungguhnya tidak ada masyarakat yang berjaya membendung rasuah seratus-peratus. Tetapi apabila pemimpin tertinggi menggalak amalan ini dan terlibat secara terbuka dengan rasuah, maka rasuah lebih menjadi-jadi apabila pengikut ambil iktibar dari amalan pemimpin.
4. Inilah yang sedang kita lihat di Malaysia. Kita bangga dengan kejayaan badan pencegah rasuah membuat penangkapan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang telah kumpul berjuta-juta Ringgit melalui rasuah. Mungkin ini disebabkan pencegah rasuah lebih cekap mengesan jenayah ini. Mungkin juga kerana hari ini lebih ramai pegawai tinggi yang bersedia menerima duit rasuah kerana percaya cash is king.
5. Rasuah di peringkat bawahan dan kecilan mungkin dipandang enteng. Apalah sangat sogokan ratusan atau ribuan Ringgit kepada pengundi dalam pilihanraya. Sedikit sebanyak wang sogokan yang sedikit boleh meringan tekanan kehidupan si miskin.
6. Tetapi yang harus disedari ialah sogokan kecil-kecilan ini boleh membawa malapetaka yang amat besar.
7. Perlu diingat bahawa sogokan dibuat kerana niatnya ialah bagi menjayakan sesuatu yang tidak baik, sesuatu yang salah yang akan membawa malapetaka dan kerosakan. Mereka yang berniat baik dan menghormati institusi pilihanraya dan kebebasan rakyat tidak akan menghulur wang atau lain-lain untuk mendapat undi pengundi.
8. Dan sesungguhnya yang menghulur wang rasuah dalam pilihanraya umum berhajat untuk menyalahguna kuasa sebagai PM, Menteri dan lain-lain jawatan yang diperolehi. Kita sedang lihat bagaimana pemimpin yang kita pilih dituduh melesapkan berbillion Ringgit, mengagihkan wang Kerajaan secara salah hanya kerana ingin menjadi popular supaya menang lagi dalam pilihanraya.
9. Kita lihat kerosakan negara, kejatuhan teruk nilai Ringgit, kekurangan duit Kerajaan yang terpaksa potong budget 30%, tidak cukup duit untuk biasiswa, terpaksa perah duit rakyat miskin dan kaya melalui GST dan bermacam lagi kerana memilih pemimpin yang menggunakan sogokan untuk menang. Kita lihat bagaimana duit Kerajaan (rakyat) dimasukkan dalam akaun peribadi pemimpin yang dipilih kerana sogokan.

10. Akhirnya negara Malaysia yang dahulu digelar Harimau Asia, sekarang di kategori sebagai satu dari sepuluh negara yang tahap rasuahnya tertinggi di dunia. Kewangan negara merosot sehingga terpaksa perkenal GST dan meminjam berbillion dengan menggadai negara. Dan rakyat pun menderita, mengalami kerugian yang jauh lebih besar dari wang sogokan yang diterima.

11. Inilah sebabnya yang rasuah menjadi kesalahan dan ditegah sebagai jenayah. Inilah sebabnya rasuah dikutuk dan diharamkan. Duit yang diterima adalah duit haram seperti duit yang dicuri.

12. Apabila rasuah sudah menjadi sebahagian dari budaya bangsa, pemulihan tidak mudah dilakukan. Untuk ini badan-badan pencegah rasuah mestilah bebas dari dikuasai oleh Kerajaan seperti sekarang.

13. Jika terdapat Kerajaan dan pemimpin tertingginya yang terlibat dengan rasuah, pemulihan hanya boleh dijayakan jika pemimpin perasuah ini dijatuhkan dan diganti dengan yang lain.

14. Untuk ini tolak sebarang jenis rasuah. Jangan terima duit haram hasil pencurian.

29 thoughts on "RASUAH"

-  [Log in to Reply](#) **Kamarulaznan** [Mar 13,2017 1:11 AM](#)

Assalam,

Nampaknya begitu banyak perkara yang Tun mesti dipertanggungjawabkan semasa beliau menjadi PM. Maka, persoalan timbul kenapa tiada orang yang mengambil tindakan keatas Tun ketika itu? Apakah bentuk pertuduhan yang perlu dibuat keatas Tun? Beliau gagal melaksanakan tugasnya? Sedangkan perkara-perkara yang berlaku ketika itu dilakukan oleh orang lain? Adakah Tun patut mempengaruhi AG ketika itu untuk mengambil tindakan sedangkan Tun sepatutnya "independence" kerana kedudukan beliau dalam badan eksekutif ketika itu?

Sekarang ini Tun seperti the subject matter of the current issues in Malaysia sedangkan Tun is not the PM today. Apa yang Tun boleh buat sekarang? Subject matter sekarang ini ialah Najib.

Tiada siapa pula yang berani bertindak mengheret Tun ke mahkamah seperti Tun bertindak ke atas Najib for "misappropriation of public funds" sebelum ini.

-  [Log in to Reply](#) **asahamat** [Mar 12,2017 9:58 PM](#)

Assalamualaikum wbt Tun

Saya nampak Bersatu masih berbayang2kan UMNO. Struktur dan sistem UMNO menyebabkan rasuah adalah perlu dan subur dalam Parti itu. Saya lhuathir Bersatu akan sama terjebak dlm fenomena yg sama juga akhirnya ....

(2) Jadi from now onward, bagaimana Bersatu akan bersih dan amanah mengatasi UMNO?

3.  [Log in to Reply](#) **farock** [Mar 12, 2017 1:38 PM](#)

Salam Tun

Untuk renungan Tun

1) Duit rasuah memang haram tapi duit dari lesen judi casino dan nombor ekor, duit lesen arak dan duit lesen pelacuran juga haram. Takkan Tun tak tahu? Kenapa sebagai negara Islam Tun benarkan perkara2 ini berjalan dlm 25 tahun Tun berkuasa?

Antara senarai menteri dimasa Tun yg ada masalah tapi tiada tindakan terhdp mereka.

1) Anak Liong Sik ada harta berpuluh juta sedangkan dia masih belajar tika itu.. Tindakan TIADA

2) Muhd Taib ditangkap di Sustralia dgn wang 1.4 juta yg tidak di istihar.. Darimana dan duit siapa dan bagaimana dan kenapa diseludup keluar sampai Australia baru kena tangkap.. TINDAKAN TUN.. TIADA

3) Zahid Hamidi dgn kes BSN.. TINDAKAN TIADA

4) Najib dgn kes2nya termasuk pembelian kapal Selam 20 bilion.. TINDAKAN TIADS

5) Sharizat bagi projek pd suaminya.. TINDAKAN TIADA

6) Azalina beli calon pilihanraya pembangkan utk 2 penggal.. TINDAKAN TUN TIADA

7) Rafidah dgn kes AP .. TINDAKAN TUN TIADA

Anak Taib menteri Sarawak diumumkan paling kaya di Canada dan dia kata wang itu pemberian ayahnya.. Dari mana harta ini datang ? TIADA SIASATAN ATAU TINDAKAN

Banyak lagi blh saya tulis tapi biar saya berhenti dulu fan biar Tun ingat kembali semua ini

4.  [Log in to Reply](#) **Kamarulaznan** [Mar 12, 2017 11:47 AM](#)

Assalam,

Dari semenjak Tanah Melayu ni wujud sebelum zaman kesultanan Melaka lagi, tidak pernah lagi kita bertemu catatan sejarah seorang pemimpin atau ketua puak, kampung, daerah, mukim, jajahan, negeri dan sehingga peringkat tertinggi yang ada dalam akaun peribadi dia RM2,600,000,000.00.

Tak payah lah berbahasa bunga-bunga. Tak menarik untuk difikirkan pun.

Hanya orang pekak, buta, tuli dan hati yang tertutup sahaja yang berkata kejadian tersebut sesuatu yang normal.

5.  [Log in to Reply](#) **WandyCaswady** [Mar 12, 2017 10:27 AM](#)

Membaca buku dari awal sehingga akhir muka surat... Memberi pemahaman yg lain daripada mereka yg membaca buku dari tengah dan tidak habis membaca...

Saya yakin... Majority yg islam dan yg khatam Al Quran tidak pernah membaca Terjemahan Al Quran dari Awal hingga Akhir... Jika kalian tidak percaya... Tanyalah diri kalian dan org2 sekeliling kalian...

Butakah kalian? Sedarkah kalian?

Jadi apakah benar2 kamu memahami islam sebenar benar islam jika maksud Al Quran tidak pernah dibaca dari awal hingga habis?

Kaum yang sedang bertanam dan terus menuai hasil tanaman mereka. Apabila dituai, hasil (buah) yang baru keluar semula seolah-olah belum lagi dituai. Hal ini berlaku berulang2. Rasulullah SAW diberitahu oleh Jibrail: Itulah kaum yang berjihad "Fisabilillah" yang digandakan pahala kebajikan sebanyak 700 kali ganda bahkan sehingga gandaan yang lebih banyak.

Tempat yang berbau harum. Rasulullah SAW diberitahu oleh Jibrail: Itulah bau kubur Masitah (tukang sisir rambut anak Fir'aun) bersama suaminya dan anak-anaknya (termasuk bayi yang dapat bercakap untuk menguatkan iman ibunya) yang dibunuh oleh Fir'aun kerana tetap teguh beriman kepada Allah (tak mahu mengakui Fir'aun sebagai Tuhan).

Sekumpulan orang yang sedang memecahkan kepala mereka. Setiap kali dipecahkan, kepala mereka sembuh kembali, lalu dipecahkan pula. Demikian dilakukan berkali-kali. Jibrail memberitahu Rasulullah: Itulah orang yang berat kepala mereka untuk sujud (solat).

Sekumpulan orang yang hanya menutup kemaluan mereka (qubul dan dubur) dengan secebis kain. Mereka dihalau seperti binatang ternakan. Mereka makan bara api dan batu dari neraka Jahannam. Kata Jibrail: Itulah orang yang tidak mengeluarkan zakat harta mereka.

Satu kaum, lelaki dan perempuan, yang memakan daging mentah yang busuk sedangkan daging masak ada di sisi mereka. Kata Jibrail: Itulah lelaki dan perempuan yang melakukan zina sedangkan lelaki dan perempuan itu masing-masing mempunyai isteri/suami.

Lelaki yang berenang dalam sungai darah dan dilontarkan batu. Kata Jibrail: Itulah orang yang makan riba.

Lelaki yang menghimpun seberkas kayu dan dia tak terdaya memikulnya, tapi ditambah lagi kayu yang lain. Kata Jibrail: Itulah orang tak dapat menunaikan amanah tetapi masih menerima amanah yang lain.

Satu kaum yang sedang menggunting lidah dan bibir mereka dengan penggunting besi berkali2. Setiap kali digunting, lidah dan bibir mereka kembali seperti biasa. Kata Jibrail: Itulah orang yang membuat fitnah dan mengatakan sesuatu yang dia sendiri tidak melakukannya.

Kaum yang mencakar muka dan dada mereka dengan kuku tembaga mereka. Kata Jibrail: Itulah orang yang memakan daging manusia (mengumpat) dan menjatuhkan maruah (mencela, menghinakan) orang.

Seekor lembu jantan yang besar keluar dari lubang yang sempit. Tak dapat dimasukinya semula lubang itu. Kata Jibrail: Itulah orang yang bercakap besar (Takabbur). Kemudian menyesal, tapi sudah terlambat.

Seorang perempuan dengan dulang yang penuh dengan pelbagai hiasan. Rasulullah tidak mempedulkannya. Kata Jibrail: Itulah dunia. Jika Rasulullah memberi perhatian kepadanya, nescaya umat Islam akan mengutamakan dunia daripada akhirat.

Seorang perempuan tua duduk di tengah jalan dan menyuruh Rasulullah berhenti. Rasulullah SAW tidak menghiraukannya. Kata Jibrail: Itulah orang yang mensia2kan umurnya sampai ke tua.

Seorang perempuan bongkok 3 menahan Rasulullah untuk bertanyakan sesuatu. Kata Jibrail: Itulah gambaran umur dunia yang sangat tua dan menanti saat hari kiamat.

Jazakumullahu khairan kathiraa

6.  [Log in to Reply musato](#) Mar 11, 2017 10:13 PM

Assalamualaikum Tun.

Jong Nam akan dikebumikan di Malaysia.

Rakyat Malaysia akan dilepaskan.

Terima kasih Tun.

7.  [Log in to Reply sibotak](#) Mar 11, 2017 7:55 PM

Karl

Hujah kau atau lebih jelas Fitnah kau bertujuan membusukan nama Tun

" Gerbang Rasuah yang DrM sediakan untuk kroni politik beliau, anda pun tahu siapa mereka itu, sehingga terbentuknya satu oligarki yang terdiri dari Billionaire @ Maha-Jutawan sehingga mereka ini mampu mempengaruhi, malahan mengugut kerajaan melalui rasuah tersembunyi "

Saya tidak tahu siapa mereka ?

Sila jelaskan.....

Eh bagaimana kau tahu macam macam fasal Tun... eh ?

Tera lah Kau

8.  [Log in to Reply LeoSabri @ leosabri.com](#) Mar 11, 2017 2:14 PM

## **RASUAH BILLION BILLION**

Assalamualaikum wbt. dan selamat sejahtera.

Dengan izin Admin chedet.cc maka tersiarlah komen ini di atas penghormatan yang maha terulung lagi yang maha disanjung kepada Yang Amat Sangat Mulia Seri Maharaja Tun`ku YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sesungguhnya tiada sesiapa dalam dunia samada adanya 7 petala langit berserta 7 lapisan bumi berpenghuni, tidaklah ada sekalian makhluk yang mampu mencipta sama serupa seumpama kitab RASUAH atas kalimah YABhg. Tun yang maha terpuji lagi yang maha keberaniannya ini.

Saya ya amat yakin NajibRazak akan berfikir 2.6 BILLION kali untuk buka kitabnya walaupun Karl Iskandar sedia melafazkan 42 BILLION syahadahnya, pasti belum termampu melawan 4.4 BILLION kalimah + 44 BILLION kalimah YABhg. Tun yang difirmankan dalam kitab BMF atau, dari kitab FOREX yang belum diutuskan iaitu AL-FOREX yang maha tinggi lagi maha tertinggi nilainya melepasi zaman TN50 sekalipun.

Namun begitu lafaz syahadah Karl Iskandar berkemampuan memutuskan urat jantung bilamana didengarkan dan, hafazan Tuan ya amat merdu dihayati pada setiap baris ayat walau ada diantara mereka berdengung ya amat sangat sumbang bunyinya, namun idgham bilaghunnah dari Tuan ya amat jelas lg ya amat nyata sebutannya.

Sekian, Sadaqallahul Azeem.

9.  [Log in to Reply Fariq Islam](#) Mar 11, 2017 11:43 AM

Assalamualaikum, Tun.

Gejala rasuah bukannya berlaku hari ini sahaja, tetapi dibiarkan berleluasa sejak dekad-dekad yang lalu.

Maafkan sahaja, atas komen bahawa umat-umat di Negara kita tidak faham akan ajaran Islam secara ikhlas. Umat-umat dipanggil bersembayang 5 kali sehari demi memperingatkan diri pentingnya ajaran dalam kehidupan sehari. Kebersihan dari segi rohani, iaitu tidak menyentuh duit haram merupakan satu ciri yang penting.

Yang penting sekarang ialah kita kena mempergiatkan pendidikan moral di kalangan generasi muda, bahawa rasuah itu pemusnah bangsa dan Negara. Dalam pada itu, SPRM harus meneruskan usaha menangkap si penjenayah!

10.  [Log in to Reply Kamarulaznan](#) Mar 11, 2017 10:32 AM

Assalam,

Menarik apabila ada yang mengatakan, "So, no point Tun mencuba betulkan keadaan because PM sekarang guna semua taktik Tun dulu, cuma ada sedikit penambahan."

Apa penambahan tu? Masuk poket sendiri?

11.  [Log in to Reply Karl Iskandar](#) Mar 11, 2017 8:41 AM

### **Gerbang Rasuah DrM**

Penswastan aset negara adalah satu punca rasuah yang DrM telah memperkenalkannya kepada kita di awal pemerintahan beliau.

Khidmat asas seperti Air, Jalanraya, Elektrik, Telekomunikasi – sepatutnya adalah tanggungjawab kerajaan untuk sediakan dan selenggara. Tetapi DrM telah menyerahkannya kepada korporat yang terpilih lagi istimewa.

Gerbang Rasuah yang DrM sediakan untuk kroni politik beliau, anda pun tahu siapa mereka itu, sehingga terbentuknya satu oligarki yang terdiri dari Billionaire @ Maha-Jutawan sehingga mereka ini mampu mempengaruhi, malahan mengugut kerajaan melalui rasuah tersembunyi.

**DrM harus mengambil tanggungjawab sebagai Bapa Rasuah Negara.**

Terima kasih.

12.  [Log in to Reply joetachi](#) Mar 11, 2017 5:38 AM

Pembuka sembang Alaikum Salam  
Tikar terbang..zamZamAlaKaZaMmmm...

Tikar Pandan, Tikar Mengkuang,  
Apa Makan? Siapa Kenyang?

<https://youtu.be/Pm88Q1BJaCs>

Terbang ke Mana? MakLampir teropong..!  
Negara siapa? Pasir Berdengong..!

Menselit mencelah d pulau impian..  
Mencalit maruah d sakau habuan..

\*

#SiapaRasuah #ApaJawatan

13.  [Log in to Reply DengXiaoPing](#) Mar 10, 2017 10:57 PM

Jangan risau Tun, kerajaan kita tidak akan meningkatkan GST sehingga sampai 10% selepas pilihanraya, inilah yang dijanji-janjikan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak, percayalah.

14.  [Log in to Reply Fariq Islam](#) Mar 10, 2017 10:18 PM

Assalamualaikum, Tun.

Alangkah sedihnya ahli-ahli politik Negara ini telah menjadikan arena politik lapangan meraih duit, biarpun haram!

PAS yang satu ketika dulu nampaknya suci kini pula dituduh menerima RM90 juta. Haruslah pemimpin-pemimpin PAS, terutamanya, Hadi bersumpah, dengan pegangan Al Quran, sekiranya tuduhan ini benar, maka pelbagai nasib malang akan menimpanya dan keluarga, demi membersihkan dirinya daripada tuduhan rasuah sedemikian!

15.  [Log in to Reply tebing tinggi](#) Mar 10, 2017 9:24 PM

Dalam keadaan sekarang nampaknya tiada apa yang bolih dilakukan. Tak pasti semua yang telah ditangkap akan didakwa, atau dapat didakwa, kalaupun didakwa adakah bolih didapati bersalah. Segala kemungkinan bolih terjadi, itu yang pasti,

Yang nyata nampak kabur, yang kabur lagi tidak kelihatan.

Kena redha dan beserah sahajalah kut.

16.  [Log in to Reply HouseWife](#) Mar 10, 2017 1:21 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya memang terkejut habis, apabila timbul kes rasuah exco kerajaan negeri selatan bersama dengan ahli keluarga dan orang2nya. Saya ingat bersih sakan kerajaan ini sebab cakap pujian angkat bakul amatlah maha tinggi. Rupa2nya... Itulah akibatnya bangga sangat pegang kuasa dunia dan bermegah2 dengan kuasa. Semua itu akan jadi hati batu dan tamak kuasa.

Rupa2nya selama ini mereka berpura2 bersih. Saya tak yakin tiada seorang dikalangan mereka yang tak dapat hidu... secara fizikal dapat lihat cara hidup mereka (cara lifestyle the rich and famous), lagak dan gaya, cara pembawaan diri, jauh beza cara hidup dari dulu. Agaknya duit bawa lari off-shore pun dah berlambak. Susah sangat ka nak jadi civil servant yang baik? Susah sangat ka nak hidup dengan duit gaji kerajaan? Kan bijakpandai kerajaan MO1 tu cakap, ada gst semua harga barang turun, nak jimat masak sendiri, nak duit lebih buat 2-3 kerja, bangun awal ikut jalan takde tol, jadi dreba uber, makan kangkung sebab murah...etc etc. Gaji mereka tak luak senang la cakap, kan Tun. Yang mana cekal okla boleh lawan nafsu rasuah, tapi yang lemah nak ikut cara hidup mewah macam boss depa yang senang tenang dan lenang, mula berjinak2 dengan rasuah hingga tak boleh buang dah tabiat tu.

Tun, nak cerita sikit, zaman saya kerja dulu selepas buat bayaran kepada seorang pakcik kontraktor ni (dia baik orangnya, takde niat lain) dia tanya apa saya nak, saya jawab saya nak buah jeruk (antu jeruk

katakan), kawan sebelah cuit saya cakap, "tak boleh, tu rasuah!". Saya tergamam dan pikir, oh minta jeruk pun rasuah ka. Tak dapat le makan jeruk yang diidamkan.

Gitulah Tun, rasuah ni datang dalam pelbagai bentuk dan cara. Rasuah datang bukan dalam bentuk wang saja – bagi belanja makan tak kira di hotel mewah ka di gerai tepi jalan ka, bawa melancong tak kira dalam atau luar negara, belanja dok hotel mewah ka separa mewah ka, belanja main golf ka, bagi perkakas2 dapur ka, bagi basikal ka kereta ka – lain kata, "hang bagi aku ambik, hang nak ambik aku bagi", selagi itulah rasuah berkeliaran di dunia ini.

Rasuah ni ada pemberi ada penerima. Kadang2 si penerima ugut si pemberi, mana lebih dasyat ka si pemberi ugut si penerima? Apa pun, dua2 akan makan diri. Hidup walaupun mewah dan senang...tapi hati tenang ka? Bahaya rasuah ni kan Tun, ia bukan saja merosakkan manusia tapi melumpuhkan sebuah negara.

Tun, dulu2 home minister dan Igp ada cakap nak hapus geng2 samseng sampai ke lubang cacing, tapi bertambah lagi ligat ada la, macam ada 'kuasa' jaga mereka ni. Jenayah berat dan menyeramkan makin menjadi2. Sprm tungkus-lumus buat kerja, Igp, Ag bagaimana? Jangan ada unsur rasuah di sini dah la.

Semoga Allah melindungi kita semua dari hasutan rasuah dan jauhi diri dari menjadi ahlinya. Semoga Allah permudah dan berkati segala urusan murni Tun. Semoga Allah lindungi Tun dan sekeluarga. Semoga Allah beri Tun kesihatan yang baik dan Terima kasih Tun.

17.  [Log in to Reply](#) **NoName** [Mar 10,2017 12:59 PM](#)

Assalam,

Saya rasa Tun yang mulakan kanser atau virus ini dan sekarang merebak menjadi melarat. So, no point Tun mencuba betulkan keadaan because PM sekarang guna semua taktik Tun dulu, cuma ada sedikit penambahan.

Apa yang Tun boleh buat, ialah pergi bertaubat, harapkan Allah akan mengampuni dosa2 Tun yang lepas, termasuk mejadi pemimpin yang zalim.

18.  [Log in to Reply](#) **livesetup** [Mar 10,2017 11:28 AM](#)

assalamualaikum tun..sy setuju apa yg farok kata kan..semua salah tun..masa masa memerintah dulu tun tutup mata pada menteri rasuah..hari ni mereka lebih jahat atas didik tun masa lampau...tidaj dinafikan tun berhati rakyat.masa kecil sy selau nampak tun dan cucu pergi ke pasar mlm jalan telawi bangsa..

moga tun insaf apa yg tun didik pada menteri2 yg lalu kini menjadi bala pada rakyat malaysia.. sy rasa sedih..kejam sekali menteri2 hari ni..dan moga tun betulkan segera jika dilantik menjadi penasihat untuk new gov akan datang.

gugurkan menteri rasuah dan lantik mereka yg betul2 mahu kerja untuk rakyat.

tun..hapuslah system jadi perdana menteri sampai bila2..malah pesident USA kuasa dunia pon 2 penggal sahaja..ini semua untuk elak salah kuasa... jiran kita indonesia...pon dah ikut 2 penggal sahaja pemerintahan..

sy sebagai org mudah.maakin tidak percaya system politik yg kita amalkan..masing2 mahu untung masuk dlm poket sendii..

ingat tun..hari kita diatas. kita disanjung bila tiada kuku kita akan dipijak..moga tun sedar dan ubah system pemerintahan yg x ubah sepeeti komunis..selamat solat jumaat..assalammualaikum



19. [Log in to Reply](#) **farock** [Mar 10,2017 10:23 AM](#)

Salam Tun.

1)Who chose this leader if it was not you? Kalau cakap haram dalam Islam, arak dan judi pun haram tapi kenapa 25 tahun jadi PM Tun tak hapuskan amalan ini?

2)Bukan kami rakyat yg leka tapi Tun..bg mana Sharizat yg curi projek bagi suaminya menangis tika Tun nak resign tapi sekarang bahasanya lain mengutuk Tun tapi Tun bagi peluang kat pemimpin2 spt Sharizat,Azalina,Zahid,Nazri dan ramai yg ada kes utk terus memimpin,kanapa?

3)Singapura ,sebahagian kecil dari Johor dan Malaysia,tanpa sebarang sumber alam semulajadi telah menjadi negara ke6 termaju di dunia tapi negara ini dgn semua sumber spt getah,padi,petrol,gas,sawit,timah,emas dan mcm2 lagi menjadi antara negara paling mundur di duna..Timbul persoalan bgmana Singapura yg beli air dr kita lebih maju dr kita dan jawapannya pemimpin2 kita kaki rasuah,pencuri,penyangak,penipu,pemb9hong,perogol dan pembunuh...!!!Tak pernah nak majukan negarapun tambah nak majukan Islam!

4)Berhenti kata UMNO yg bawa kemerdekaan pada negara ini sb yg berlawan hingga terkorban ialah rakyat sendiri..org UMN cuma pergi bincang kosong mcmna blh buat duit sampai Singapurapun dijual pada British..dari dulu org UMNO tak guna sampai sekarang..



20. [Log in to Reply](#) **anti rasuah** [Mar 10,2017 7:49 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Saya bersetuju dalam semua hal yang dinyatakan oleh Tun tentang rasuah khususnya:

9. Kita lihat kerosakan negara, kejatuhan teruk nilai Ringgit, kekurangan duit Kerajaan yang terpaksa potong budget 30%, tidak cukup duit untuk biasiswa, terpaksa perah duit rakyat miskin dan kaya melalui GST dan bermacam lagi kerana memilih pemimpin yang menggunakan sogokan untuk menang. Kita lihat bagaimana duit Kerajaan (rakyat) dimasukkan dalam akaun peribadi pemimpin yang dipilih kerana sogokan.

10. Akhirnya negara Malaysia yang dahulu digelar Harimau Asia, sekarang di kategori sebagai satu dari sepuluh negara yang tahap rasuahnya tertinggi di dunia. Kewangan negara merosot sehingga

terpaksa perkenal GST dan meminjam berbillion dengan menggadai negara. Dan rakyat pun menderita, mengalami kerugian yang jauh lebih besar dari wang sogokan yang diterima.

Saya juga melihat "togasan4" adalah seorang ahli politik yang dayus samalah seperti Najis Razak, Nazri Aziz dan majoriti yang berada dalam kabinet Najis Razak. Poorahhh, umpama "BERCAKAP BERDEGAR-DEGAR, BERAK DALAM SELUAR". Yang pastinya kamu sememangnya hidup senang kerana rasuah. Usah berselindung di sebalik tabir yang jarang.

Tun, SAYA YAKIN RASUAH BOLEH DIHAPUSKAN KEANGKA HAMPIR 0% SEKIRANYA BAKAL PM DAN POLAR POLITIK NEGARA BERANI DIROMBAK SECARA DRASTIK DAN BIJAK.

Ianya memerlukan ketegasan PM, keberanian PM, kebijaksanaan PM, ketelusan PM, PM mengutamakan masa depan negara dari kepentingan peribadi dan kroni.

Politik negara sekarang terlalu bergantung dan memerlukan antara satu sama lain. Jelas berbicara, presiden parti terlalu bergantung kepada ketua-ketua bahagian dan cawangan untuk dia kekal berkuasa. Maka berbagai-bagai projek terpaksa diagihkan kepada yang di bawah. Bila keuntungan di bawah (ketua-ketua bahagian dan cawangan parti politik) diperolehi maka mereka akan memberi "komisen" kepada yang memberi projek. Maka berlakulah putaran hayat RASUAH DALAM MASYARAKAT KITA.

Bagi saya kita wajar meniru seakan-akan politik negara China tetapi mengikut kesesuaian acuan masyarakat berbilang bangsa dan agama di negara kita. Bayangkan rakyat China berbilion orang jika tiada ketegasan pemerintah, sudah pasti China tergolong dalam kelompok top 3 negara yang paling teruk mengamalkan rasuah di dunia. Hakikatnya Malaysia yang bilangannya rakyatnya 1:100 rakyat China duduk dalam ranking 10 negara yang tinggi mengamalkan rasuah, pendek cerita gugurkan saja "Malaysia negara Islam" kerana ianya jelas mengotorkan nama Islam itu sendiri.

Untuk itu, Najis Razak sebagai ketua negara sewajarnya semua rakyat tidak kira bangsa mahupun agama TIDAK MEMILIH PARTI KOMPONEN BN DALAM PRU14 DARI TERUS MEMERINTAH. Kepada yang beragama Islam dan berpartikan "parti Islam" yang kononnya berdiri teguh kerana Islam, wajar menolak juga fahaman sempit ketua mereka yang bersekongkol dengan NAJIS YANG JELAS MENGAMALKAN RASUAH DALAM PENTADBIRANNYA.

Wassalam.



21. [Log in to Reply rimba.emas](#) Mar 9, 2017 11:16 PM

Salam Tun.

1. Rimba Emas telah memberi ulasan komen tentang rasuah ini sebelumnya (sila rujuk ulasan Tun terdahulu tentang rasuah).

2. Sebenarnya Tun telah berulang kali bicara tentang rasuah malah Rimba Emas sendiri telah rujuk kepada hadis-hadis riwayat sahih sebagai bahan rujukan.

3. Kalau sudah berulang kali mengulas tetapi masih tiada kesan terutama pihak yang bersetuju dengan Tun dan hadis2 yang diriwayatkan..? maknanya rasuah sudah jadi seperti makanan harian dalam kehidupan.
4. Maknanya kalau bagi makanan RASUAH ini tidak mungkin dapat di hapuskan dengan sepenuhnya.
5. Rakyat sendiri hairan dengan SPRM yang tidak mengikut cogan kata BERANI KERANA BENAR sebaliknya hanya BERANI BERTINDAK PADA YANG TIADA KUASA DARIPADANYA sebab TIDAK BERANI PADA YANG LEBIH BERKUASA DARINYA.
6. KALAU BENAR PASTI BERTINDAK PADA KEDUA2 BELAH PIHAK SERTA TIDAK PILIH BULU.
7. Justeru pendekatan lain perlu di lakukan iaitu kuasa PM hanyalah tertakluk menjalankan kerja2 yang telah di tulis atau yang telah di sediakan jawatankuasa secara berkumpulan.
8. PM tidak boleh di beri kuasa secara individu terutama dalam melaksana dasar2 kerajaan. Tidak di beri kuasa mutlak dalam melantik atau memberhentikan pemegang sesuatu jawatan.
9. Jawatankuasa melantik atau memberhenti sesuatu jawatan di agihkan antara jabatan kerajaan dengan swasta juga rakyat dalam bentuk peratusan.
10. Dalam jawatan kuasa itu PM hanya ibarat Pengerusi Majlis dan perlu mengikut majoriti sokongan dalam jawatankuasa tersebut.
11. Semua itu hanya boleh di betulkan bila rakyat keluar mengundi menolak kerajaan yang ada dengan melantik parti pemerintah yang lain dengan mengubah kuasa2 lama dengan mengadakan jawatankuasa di sebut Rimba Emas seperti di atas pada para 8 , 9 dan 10 tadi.
12. Kita rakyat hanya merencanakannya namun Allah s.w.t yang berkuasa menentukannya.

Wallahua'lam.

22.  [Log in to Reply](#) **tagosan4** [Mar 9,2017 10:28 PM](#)

Wakakaka , Mr 10 % tak ambil rasuah kah ? Beranikah buat sumpah laknat di padang mashyar ? Apa pasal kontrak pembinaan putrajaya diberikan tanpa open tender ? Bila tanya macam mana ? Jawab sudah nyanyuk.Poraah

23.  [Log in to Reply](#) **Fariq Islam** [Mar 9,2017 10:22 PM](#)

Assalamualaikum, Tun.

Alangkah sedihnya rasuah telah menjadi sebahagian daripada budaya penghuni bumi ini! Yang tak dapat dibayang ialah kenyataan bahawa setengah daripada pekerja muda sektor awam kita terbabit.

Apa ertinya Jakim terus menghentam peniaga-peniaga yang tak berdosa tentang ke-HALAL-an barangan sedangkan dari segi rohani, umat-umat terserong dari halatuju dan ajaran agama suci!

Kita berdoa agar golongan penerima dan pemberi rasuah akan menerima hukuman yang setimpal dalam hayat dan dunia akhirat nanti!



24. [Log in to Reply johnsidi](#) Mar 9, 2017 8:59 PM

Salam Tun M & kwn2 lain nya..

Rasuah adalah 1 amalan yg amat keji dan laknat skali...moga pelaku2nya (pemberi & penerima) mndpt balasan yg setimpal..

Bagi saya, bila semua hal nk dilibatkan dgn rasuah adalah dr minda a.k.a otak yg kotor..hati yg tidak bersih..jiwa tak ada iman..

Jika utk mncapai sesuatu ttpi perlkanaan nya dgn rasuah...inilah hasilnya...apa yg kita sdg hadap skrg...

wassalam..



25. [Log in to Reply sibotak](#) Mar 9, 2017 8:24 PM

Di mana mana semuanya ada Rasuah  
Namun Rasuah adalah Tabii yg tidak Baik  
Haram dalam Hukum

Menguntungkan sementara tapi akan merugikan untuk jangka panjang  
Begitu juga Penipuan  
Ia hanya bolih menolong seketika tapi bakal menimbulkan masaalah yg lebih rumit

Maka manusia perlu di bendung oleh Undang undang  
Begitu jua Allah membendung manusia dengan Hukum hukum nya  
Ada pula manusia yg Handal  
Hukum Allah di langgar apakan lagi hukum Manusia

Alhamdulillah kita orang Islam di bendung dengan Hukum Allah  
Hujung cantik nya ramai di kalangan kita dah nak masuk Magrib , dah Tua  
Ramai yg Berubah ... Takut akan hukum hukum Allah  
Benci pada yg Haram , Sayang pada yg Halal

Semasa Muda , si Ahmad si Minah ...ehwah ekhwah asik pakai Minyak Wangi Jenama  
Dior lah , Liz Claiborne , Burberry lah  
Dan tua tua dah nak masuk Maghrib  
Pakai Minyak Kapak , Minyak Garmat dan sebagainya

Bezanya kita yg Beragama  
Apabila anak kita bawa balik barang yg bukan milik mereka  
Kita akan sangsi dan bertanya

Mana kau dapat ..Kau curi eh ? Jangan Berdosa Nak  
Yg tidak Beragama  
Fuyuh...Gua punya anak banyak pandai ,oh  
Budaya ini akan membesar hingga Dewasa

Kita Orang Islam banyak mengalah  
Bukan kerana kita Bodoh , Kita Berpendirian  
Ini Akhlak Islam namun Kita juga gagal dalam menjaga Hak hak kita  
Mengalah tidak Bertempat

Hujungnya Kemewahan di Dunia tidak akan Kekal  
Kita akan di Hisab

Beza Negara yg Corrupt dengan yg tak Corrupt  
Corrupt duit masuk pada ramai kocek  
Tak Corrupt masuk pada satu Kocek yg Berkuasa  
Itu sebab Manusia Gila Kuasa ,Nak nak si dia tu

Hujungnya Rugi juga saya keduanya tetap saya kena Bayar

26.  [Log in to Reply](#) **zz** [Mar 9,2017 6:52 PM](#)

Ya saya setuju Tun. Malah saya kini juga mempersoalkan ustaz2 yg bertempik memberi syarahan...mcm2 landasan mereka sebut ttp sepi apabila menyentuh soal periuk nasi. Hanya omong kosong sahaja org melayu ni. Hingga hari ini masih tidak menepati masa, tidak bertanggungjawab dgn janji...aduhai bangsa ku..

27.  [Log in to Reply](#) **JamalNasir** [Mar 9,2017 3:29 PM](#)

Termasuk di dalam perlakuan rasuah ada lah penyalahgunaan kuasa bagi kepentingan sendiri, sanak saudara, teman taulan mahu pun orang asing kerana peras ugut. Ia juga melibatkan mengambil yg bukan hak nya . Ia sama ZALIM.

28.  [Log in to Reply](#) **JamalNasir** [Mar 9,2017 3:24 PM](#)

Rasuah adalah satu kezaliman sebagaimana yg di definisikan dalam hukum Islam. Ia zalim kerana perasuah mengambil apa yg bukan hak nya, ia itu hak orang lain. Serupa mencuri, merompak, menipu atau meragut.

29.  [Log in to Reply](#) **The Hidden Secret** [Mar 9,2017 11:12 AM](#)

Salam!

Kalau boss tak makan rasuah, orang bawah akan pikir banyak kali samada nak makanan rasuah atau tak. Kalau boss makan rasuah, orang bawah tak pikir panjang... Bos pun makan, aku makan jugak la!

© 2017 Chedet – All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2453>